

| | | | |
|-------------|---------------------------------|------------|--------|
| Headline | Galakkan penggunaan kuasa solar | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | Language | Malay |
| Date | 17 Jan 2024 | Readership | 75,165 |
| Circulation | 25,055 | Page No | 2 |
| Section | Tempatan | Journalist | N/A |
| ArticleSize | 218 cm ² | | |
| PR Value | RM 3,474 | | |



FRANKIE (tengah) semasa kunjungan hormat kepada Siti Jamilah.

Galakkan penggunaan kuasa solar

Winnie Kasmir

SANDAKAN: Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) harus menggalakkan penggunaan solar atas bumbung seperti di Malaysia Barat dan Wilayah Persekutuan untuk mengatasi kekurangan bekalan kuasa.

Adun Tanjung Papat Datuk Frankie Poon berkata, ini termasuk pemasangan panel solar di atas bumbung bangunan kediaman dan industri serta bangunan komersial.

“Tarif Fit-in telah dikeluarkan dari Sabah sejak 2017-2018. Transmisi Tenaga Nett (NEM) telah digunakan pada 2019 tetapi terdapat hanya tiga penerima dan ini juga tidak lagi tersedia di sini.

“Disebabkan kekurangan bekalan kuasa kepada pengguna semasa dan bakal pelabur, tenaga pembaharuan, khususnya tenaga solar adalah cara yang baik untuk menambah bekalan kuasa,” katanya.

Frankie telah menyuarakan perkara ini ketika mengadakan kunjungan hormat kepada pengurus baharu Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) Zon Sandakan, Ir Siti Jamilah Alias, baru-baru ini.

Semasa lawatan itu, mereka telah membincangkan banyak isu seperti penumpahan beban, yang kini menjaskan Sandakan.

“Saya menggesa pengurus baharu untuk mencari jalan meminimumkan pengurangan beban kerana ini memberi kesan kewangan yang serius kepada komuniti terjejas. Ia juga telah menyebabkan banyak kesulitan kepada ramai orang,” kata Frankie.

Oleh itu, Frankie yang juga Penggerusi DAP Sabah berharap ECoS akan mempertimbangkan situasi serius yang dihadapi oleh Sabah dan mengambil tindakan segera untuk merangka peraturan mesra bagi mempercepatkan pemasangan panel solar.

“Tenaga Nasional Berhad telah membantu rumah-rumah di Malaysia Barat termasuk Wilayah Persekutuan Labuan untuk memasang panel solar secara ansuran.

“Kenapa SESB tidak boleh memanfaatkan faedah sama kepada rumah-rumah Sabah? Ini sudah tentu akan membantu mengurangkan bil elektrik bagi setiap rumah,” tambah Frankie.